

15/07/1998

Usah terlaluutamakan gaji tinggi

Radzi Wahab

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan kakitangan awam agar jangan terlalu mengutamakan pendapatan tinggi sehingga membenarkan perkhidmatan yang penting untuk negara, dikuasai orang asing.

Kerajaan, kata Perdana Menteri, memang sedar skim gaji perkhidmatan kakitangan awam seperti profesion perubatan tidak setinggi seperti mereka yang berkhidmat di sektor swasta.

Bagaimanapun, kerajaan bersyukur kerana ramai doktor dan pakar perubatan masih memilih untuk terus bekerja dengan kerajaan, malah ada pakar yang memilih untuk terus bekerja dengan kerajaan selepas bersara.

"Gaji kecil tidak menjadi masalah kepada mereka ini dan kepada mereka, saya ucapkan berbilang terima kasih. Jika tidak kerana mereka, majoriti doktor dan jururawat kerajaan akan diisi orang asing," katanya merasmikan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) di Bandar Tun Razak, dekat sini, hari ini.

Dr Mahathir menjelaskan, Malaysia bukannya anti orang asing tetapi penggantungan yang keterlaluan kepada orang asing akan menyebabkan negara kehilangan kebebasan.

"Tidak ada negara maju yang kekal kemajuannya jika terlalu bergantung kepada orang asing. Justeru, adalah penting kita menyumbang masa dan khidmat kita kepada kerajaan," katanya.

Menurut Perdana Menteri, beliau sedih kerana ketika lawatannya ke fakulti perubatan di luar negara dan berjumpa dengan pelajar Malaysia di sana, mereka bertanya mengenai tangga gaji doktor yang pada pendapat mereka terlalu rendah.

"Pelajar itu yang belum tentu boleh mendapat ijazah nampaknya sudahpun memikirkan soal gaji. Pendapatan memanglah penting bagi sesiapa saja tetapi eloklah ketika belajar kita tumpukan kepada mendapat kelulusan dahulu sebelum memikirkan soal gaji.

"Atau jika kita anggap pendapatan begitu penting, maka awal-awal lagi kita semak tangga gaji dalam perkhidmatan perubatan, dan jika kita dapati ia tidak mencukupi, kita pilih jurusan lain yang boleh memberi pendapatan yang lebih lumayan," katanya.

Dr Mahathir turut menyentuh budaya perubatan di kebanyakan negara maju, terutama Barat yang dianggap sudah merosot kerana doktor tidak lagi menganggap profesion mereka sebagai satu khidmat kemasyarakatan tetapi untuk mendapatkan pendapatan setinggi mungkin.

"Komitmen mereka kepada pesakit terhadap kepada banyak mana bayaran yang akan diperolehi, manakala layanan peribadi juga dipengaruhi jumlah pendapatan," katanya.

Mengenai HUKM, Perdana Menteri berkata, dalam era globalisasi, tiada sebab hospital itu tidak boleh menjadi pelopor dunia dalam membangunkan teknologi baru dan mendalami misteri penyakit melalui penyelidikan asas, klinikal dan epidemilogikal.

Menurutnya, adalah menjadi harapan kerajaan agar pesakit dari seluruh dunia datang ke HUKM untuk rawatan tertentu, yang menjadi 'keistimewaan' hospital berkenaan.

HUKM, katanya, mampu bersaing bukan saja dari segi perkhidmatan, tetapi lebih penting ia berjaya menawarkan kualiti dengan kos yang rendah serta mampu dibayar rakyat.

Dr Mahathir turut menekankan pentingnya HUKM mengutamakan matlamat

kesihatan dengan memastikan rakyat sentiasa sihat dan bukannya semata-mata memberi rawatan selepas jatuh sakit.

"Strategi seperti itulah yang menyebabkan Malaysia terkenal sebagai negara yang mempunyai belanjawan kesihatan kurang daripada empat peratus Keluaran Negara Kasar tetapi pada masa yang sama, masih berjaya mempertingkatkan indeks kesihatan sehingga hampir sama dengan paras di negara maju," katanya.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Pertanian selaku Pemangku Menteri Pendidikan, Datuk Dr Sulaiman Daud, Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Anuwar Ali dan Pengarah HUKM, Prof Datuk Khalid Abdul Kadir.

(END)